

# ورتا فنرشن Warta Penerangan



Mei 2017



Pelancaran Aplikasi Mudah Alih Jabatan  
Penerangan InfoDeptBN sempena  
Memperingati Penubuhan Jabatan  
Penerangan Ke-65 Tahun



*Dengan Ingatan Tulus Ikhlas*  
*Daripada*  
**Jabatan Penerangan,  
Jabatan Perdana Menteri.**



**Terbitan Unit Penerbitan Melayu  
Jabatan Penerangan  
Jabatan Perdana Menteri**

*“Membudayakan Masyarakat Bermaklumat”*

# Sidang Redaksi

Penasihat  
Mawardi bin Haji Mohammad

Penyelaras & Penyemak  
Unit Penerbitan Melayu

Sumber Berita & Fotografi  
PELITA BRUNEI dan  
pegawai dan kakitangan  
Jabatan Penerangan



# Isi Kandungan

# Muka

Pelancaran Aplikasi Mudah Alih Pengarah Penerangan	5 -7
Jerayawara Aplikasi Mudah Alih Jabatan Penerangan	8 - 9
Sambutan Israk dan Mikraj Jabatan Penerangan	10
Jabatan Penerangan Sampaikan Maklumat Melalui PMB	11
Majlis Penyampaian Sijil Penempatan Kerja	12
Pelancaran Program Perkampungan Sivik	13
Aktiviti Perkampungan Kursus Sivik	14
Jabatan Penerangan Terima Kunjungan Pelawat	15
Program Taklimat Kenegaraan	16 - 18
Majlis Bertahlil di Kubah Makam Diraja	18
Majlis Tadarus Al-Quran Jabatan Penerangan	19
Peristiwa Jabatan Penerangan	19
Program Awasi Anak Kitani	20
Kejohanan Bola Jaring Jabatan Penerangan	21
Kejohanan Futsal / Badminton Jabatan Penerangan	22
Pegawai dan Kakitangan Terima Pingat Kerja Lama	23
Senarai Pegawai dan Kakitangan yang Mengikuti Kursus/ Taklimat/ Bengkel	23
Senarai Penempatan Kerja Mahasiswa dan Mahasiswi	23

**WARTA** Penerangan merupakan sebuah majalah terbitan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri yang memaparkan aktiviti dan program jabatan sepanjang bulan.

Sumber berita dan gambar dipetik dari Pelita Brunei, hasil penulisan pegawai dan kakitangan jabatan.

Warga Jabatan Penerangan juga dialu-alukan untuk memberi sumbangan berita dan gambar aktiviti-aktiviti di bahagian dan cawangan masing-masing.

Berita dan gambar berkenaan boleh dihantar ke Unit Penerbitan Melayu, Tingkat 2, Bangunan Lama Jabatan Penerangan.

NOTA: Sidang Redaksi memohon maaf jika terdapat sebarang berita, maklumat, gambar dan sebagainya yang tidak disiarkan dalam keluaran ini. Harap maklum.

## Aplikasi Mudah Alih produk baharu Jabatan Penerangan



**TIMBALAN Menteri (Keselamatan dan Media), di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Hamdan bin Haji Abu Bakar semasa melancarkan Aplikasi Mudah Alih Jabatan Penerangan InfoDept.BN.**

Oleh : Khartini Hamir  
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

**B**ERAKAS, Selasa, 9 Mei. - Jabatan Penerangan melakar satu lagi sejarah apabila melancarkan Aplikasi Mudah Alih Jabatan Penerangan InfoDept.BN sempena Memperingati Penubuhan Jabatan Penerangan Ke-65 Tahun yang diadakan di Dewan Auditorium, Bangunan Tambahan jabatan berkenaan, hari ini.

Majlis pelancarannya disempurnakan oleh Timbalan Menteri (Keselamatan dan Media), di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Hamdan bin Haji Abu Bakar.

Dengan majlis pelancaran tersebut menjelaskan bahawa Jabatan Penerangan akan terus bergerak maju ke hadapan dalam bersaing di dunia tanpa sempadan bagi penyebaran maklumat yang berkesan dengan menggunakan strategi media baharu.


Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad dalam ucapannya pada majlis tersebut antara lain berkata penggunaan Mobile App InfoDept.BN itu dihasratkan sebagai *One-Stop Information* yang akan dapat menjelaskan dan membantu mengimbangi berita-berita yang kurang tepat dan sebarang spekulasi mengenai Negara Brunei Darussalam di samping akan dapat meningkatkan pengetahuan dan kefahaman dasar-dasar dan inisiatif-inisiatif kerajaan ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035 iaitu dalam jangka masa yang sederhana dan panjang.

Selain itu tambahnya jabatan berkenaan akan dapat menjimatkan kos perbelanjaan kerajaan dan sekali gus menjurus ke arah *Paperless* dan *Green IT*.

Selepas pelancaran tersebut beberapa Jerayawara Aplikasi Mudah Alih InfoDept.BN telah diadakan di keempat-empat daerah bermula di Daerah Brunei dan Muara selama lima hari pada hari Rabu, 10 Mei 2017 hingga hari Ahad, 14 Mei 2017 bertempat di Ruang Legar Times Square dan diikuti di Daerah Temburong selama dua hari bermula hari Isnin, 15-16 Mei 2017 bertempat di Ruang Legar Kompleks Bumiputera, Pekan Bangar, manakala di Daerah Belait selama tiga hari bermula 16-18 Mei 2017 di Ruang Legar KB Sentral dan di Daerah Tutong selama tiga hari bermula 22-24 Mei 2017 di Ruang Legar Petani Mall.

Melalui jerayawara tersebut, satu petak pameran disediakan bagi memudahkan Jabatan Penerangan membarigakan secara bersemuka bersama orang ramai mengenai tatacara menggunakan aplikasi mudah alih ini nanti.

Jabatan Penerangan yang ditubuhkan pada 1 April 1952 dulunya dikenali sebagai Perkhidmatan Penerangan yang berperanan utama sebagai lidah dan telinga kerajaan dalam menyampaikan maklumat dan berita mengenai dasar, aktiviti dan program kerajaan.



**PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad ketika berucap di majlis tersebut.**



**TIMBALAN Menteri (Keselamatan dan Media), di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Hamdan bin Haji Abu Bakar ketika menandatangani lembaran kenangan sempena pelancaran aplikasi mudah alih Jabatan Penerangan tersebut.**

Antara terbitan yang sinonim dengan jabatan ini ialah Pelita Brunei yang kini di terbitkan tiga kali seminggu iaitu setiap Isnin, Rabu dan Sabtu. Surat akhbar rasmi kerajaan ini boleh dilayari melalui [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn) atau memuat turun e-Paper Pelita Brunei melalui telefon pintar atau tablet di alamat laman sesawang : <https://epaper.pelitabrunei.gov.bn>.

Dalam pada itu, orang ramai juga boleh melayari dan mengikuti media sosial jabatan di Facebook: Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, atau melalui Instagram : @infodept.bn atau menerusi Twitter: @infodept\_bn

**Gambar (kiri) merupakan Mobile App InfoDept.BN yang baru dilancarkan.**

# Sekitar Majlis Pelancaran Aplikasi Mudah Alih Jabatan Penerangan InfoDept.BN

Dari muka 6



## Jerayawara Aplikasi InfoDept.BN di Daerah Brunei dan Muara



**PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad semasa bergambar bersama pesara dari Jabatan Penerangan.**

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Hernie Sulainah Haji Othman

**B**ERAKAS, Rabu, 10 Mei. – Sebagai usaha memberi gakan dan memperkenalkan Aplikasi Mudah Alih Jabatan Penerangan InfoDept.Bn, Jabatan Penerangan kini terus berusaha menguar-uarkan produk baru tersebut dengan mengadakan jerayawara di keempat-empat daerah di negara ini.

Sebagai destinasi pertama, jerayawara tersebut telah diadakan di Daerah Brunei dan Muara bertempat di Ruang Legar, Times Square, di sini selama lima hari bermula hari ini.

Pelancaran jerayawara tersebut telah disempurnakan oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad.

Turut diadakan pada majlis pelancaran tersebut ialah majlis penyampaian sijil kepada pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan yang telah bersara pada tahun 2016 dan 2017.

Jerayawara seterusnya diadakan di Daerah Temburong bermula 14 Mei hingga 15 Mei bertempat di Ruang Legar Kompleks Bumiputera, Pekan Bangar manakala Daerah Belait bermula 16 Mei hingga 18 Mei bertempat di Ruang Legar KB Sentral dan Daerah Tutong selama tiga hari bermula 22 Mei hingga 24 Mei bertempat di Ruang Legar, Petani Mall.



**SALAH seorang pesara menerima sijil dari Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad.**



**KELIHATAN orang ramai ketika berkunjung di jerayawara Aplikasi Mudah Alih Jabatan Penerangan InfoDept.Bn di Times Square.**

## Jerayawara Aplikasi Mudah Alih Jabatan Penerangan InfoDept.Bn

### Daerah Temburong



### Daerah Belait



### Daerah Tutong



## Jabatan Penerangan adakan Sambutan Israk dan Mikraj



**PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad berserta pegawai dan kakitangan jabatan tersebut semasa hadir di majlis sambutan berkenaan.**

Sehubungan itu, dalam sama-sama mengambil iktibar dan pedoman daripada peristiwa tersebut, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri turut mengadakan Majlis Sambutan Israk dan Mikraj yang berlangsung di surau jabatan berkenaan.

Hadir sama ialah Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan kakitangan jabatan tersebut.



**PEMANGKU Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Ali Omar semasa hadir di majlis tersebut.**



Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 1 Mei. – Peristiwa Agung Israk dan Mikraj Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pada 27 Rejab iaitu tahun ke-11 kerasulan baginda merupakan detik yang tidak boleh dilupakan oleh umat Islam kerana pada detik tersebutlah Baginda menerima perintah kewajipan sembahyang.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah diikuti dengan bacaan ayat suci Al-Quran oleh Awang Haji Mahmud Hafidzie bin Haji Ali Mashod.

Majlis diserikan dengan Ceramah Khas yang disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Muhammad Yusri bin Haji Abdul Majid yang antara lain menyentuh tentang kewajipan menunaikan sembahyang dan cara menunaikan sembahyang dengan betul.



**CERAMAH Khas disampaikan oleh Awang Muhammad Yusri bin Haji Abdul Majid dari Pusat Da'wah Islamiah (atas) manakala (kiri) bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh Awang Haji Mahmud Hafidzie bin Haji Ali Mashod.**

## Jabatan Penerangan sampaikan maklumat melalui PMB



**PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad ketika bergambar ramai bersama peserta-peserta Program Masyarakat Bermaklumat dari Kampung Perpindahan Mata-Mata, Mukim Gadong 'B'.**

Oleh: Nooratini Haji Abas  
Foto: Dk. Nur Hafizah Pg. Osman

**B**ERAKAS, Rabu, 10 Mei. – Seramai 40 orang Ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK) dan penduduk Kampung Perpindahan Mata-Mata, Mukim Gadong 'B' menyertai Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) yang dikendalikan oleh Unit Hubungan Masyarakat, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Jabatan Penerangan.

Hadir selaku tetamu kehormat pada program tersebut ialah Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad.

PMB yang diadakan selama dua hari tersebut merupakan salah satu landasan bagi Jabatan Penerangan untuk menyampaikan maklumat rasmi mengenai dasar dan maksud kerajaan kepada masyarakat di negara ini untuk memahami, menyokong dan menghayatinya secara berkesan melalui penyampaian taklimat sesi dialog dan lawatan.

Pemangku Pegawai Penerangan Kanan, Jabatan Penerangan, Dayang Hajah Rabi'atul'adawiyah binti Haji A. Ahmad ketika berucap berharap agar pelaksanaan program berkenaan akan disambut dengan baik dan dimanfaatkan sepenuhnya serta dijadikan sebagai langkah bagi mewujudkan para peserta bermaklumat dan berilmu dalam sama-sama menanai hasrat kerajaan, iaitu mendukung Wawasan Brunei 2035.

Program turut diisikan dengan taklimat bertajuk Wawasan Negara 2035 yang disampaikan oleh Pegawai Pentadbir Tingkat I, dari Sekretariat Tetap Wawasan 2035, Jabatan Perdana Menteri, Awang Muhd. Aziman bin Haji Awang Nasir dan taklimat

Keusahawanan Ternakan yang disampaikan oleh Awang Nasrul bin Ariffin dari Unit Kemajuan Ternakan, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan serta taklimat Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan oleh Pegawai Penerangan, Awang Muhammad Khairulhadi bin Haji Muhd. Muhtaddir.

Selain taklimat, para peserta juga berpeluang mengikuti lawatan ke dua buah tempat, iaitu ke Riza Group dan Jabatan Mufti Kerajaan.



**SEBAHAGIAN daripada peserta PMB semasa di bawa melawat ke Jabatan Mufti Kerajaan.**



**PESERTA wanita PMB ketika di bawa melawat ke ladang ternakan ayam Riza Group.**

## 6 Mahasiswi UBD terima sijil tamat penempatan



**PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad ketika bergambar bersama 6 orang mahasiswi UBD yang menamatkan penempatan kerja di Jabatan Penerangan.**

Oleh: Unit Penerbitan Melayu  
Foto: Unit Penyelidikan dan Perkembangan

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 2 Mei.- Seramai 6 orang lagi mahasiswi Universiti Brunei Darussalam yang mengikuti penempatan kerja di Jabatan Penerangan menerima sijil masing-masing.


Hadir menyampaikan sijil tersebut ialah Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad yang diadakan di Bangunan Tambahan Jabatan Penerangan di sini.

Terdahulu dari itu para mahasiswi telah membentangkan hasil kerja masing-masing selain memberikan pendapat sepanjang penempatan kerja di jabatan ini.

Hadir sama pada majlis tersebut Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Ali Omar berserta pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan.



## Perkayakan diri dengan ilmu pengetahuan dan pengalaman



**PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad ketika bergambar ramai di Majlis Pelancaran Program Perkampungan Sivik Lepasan Ijazah Negara Brunei Darussalam Kali Pertama 2017.**

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad

Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 14 Mei. - Program Perkampungan Sivik merupakan salah satu platform ke arah melengkapkan para peserta untuk mampu berdaya saing, mampu berdepan dengan segala cabaran serta mampu merebut peluang yang disediakan oleh kerajaan selaras sebagai generasi penyambung jentera pentadbiran kerajaan ke arah merealisasikan Wawasan Brunei 2035.

Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad menyatakan perkara tersebut semasa melancarkan Program Perkampungan Sivik Lepasan Ijazah Negara Brunei Darussalam Kali Pertama 2017 anjuran Jabatan Penerangan di Bangunan Tambahan Jabatan Penerangan, disini.

Katanya adalah penting bagi setiap peserta untuk mengukuhkan jati diri kebruneian dan menanamkan semangat bersandarkan falsafah negara Melayu Islam Beraja.

Tegasnya sebagai individu yang berijazah yang mempunyai pemikiran dan sikap atau mindset dan mentaliti yang ingin terus maju maka mereka adalah di antara yang paling beruntung kerana dapat memperkayakan diri dengan ilmu pengetahuan dan pengalaman.

Seramai 45 peserta terdiri daripada 21 lelaki dan 24 perempuan lepasan ijazah dari institusi seberang laut iaitu dari United Kingdom, Australia, Mesir, Malaysia dan tempatan seperti Universiti Brunei Darussalam menyertai program berkenaan yang akan berkampung selama enam hari lima malam di Dewan

Kompleks Sukan Sungai Kebun dengan pengisiannya taklimat dan sesi dialog, sesi pencambahan fikiran secara berkumpulan, aktiviti kerja berpasukan, sukan dan riadah, aktiviti keagamaan dan juga lawatan.



**PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad semasa hadir pada majlis pelancaran tersebut.**



**ANTARA aktiviti keagamaan yang diungkayahkan pada program tersebut.**

## Aktiviti-aktiviti sepanjang Perkampungan Kursus Sivik Lepasan Ijazah NBD 2017



## Timba ilmu melalui lawatan ke Jabatan Penerangan



**ROMBONGAN** pelawat berkesempatan melihat secara lebih dekat mengenai penerbitan Pelita Brunei (kiri) manakala gambar (kanan) pelawat juga diperlihatkan terbitan-terbitan lama Jabatan Penerangan.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Azmah Haji Ahad

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 15 Mei. – Seramai 20 orang terdiri daripada Ahli-ahli Takmir Masjid, jemaah, belia dan Muslimah Masjid Al-Muhtadee Billah, Kampung Sungai Kebun mengadakan lawatan ke Jabatan Penerangan untuk mengetahui serba sedikit fungsi dan peranan jabatan tersebut kepada masyarakat dan negara selain menjalin hubungan silaturahim bersama pegawai dan kakitangan jabatan ini.

Ketibaan rombongan yang di ketuai

oleh Pengiran Md Amiruddin bin Pengiran Haji Tejuddin dialukan oleh Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar.

Semasa lawatan rombongan telah mendengarkan taklimat yang disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan, Dayang Hajah Noorhijrah binti Haji Idris yang menyentuh mengenai dengan peranan utama, fungsi dan peranan Jabatan Penerangan termasuk program-program yang

dilaksanakan seperti Program Sua Muka, Program Awasi Anak Kitani, Taklimat Kenegaraan serta penerbitan akhbar rasmi kerajaan, Pelita Brunei.

Selesai mendengarkan taklimat, rombongan turut menerima cenderahati daripada Jabatan Penerangan yang disampaikan oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad dan seterusnya bergambar ramai.



**PEMANGKU** Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad ketika bergambar ramai bersama Ahli-ahli Takmir Masjid, jemaah, belia dan Muslimah Masjid Al-Muhtadee Billah, Kampung Sungai Kebun di akhir lawatan.

## Taklimat kenegaraan semai semangat patriotisme pelajar

Oleh: Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman/ Marlinawaty Hussin/ Haji Ariffin Mohd. Noor/ Rohani Haji Abdul Hamid/ Noraisah Muhammad

Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said/ Muhammad Asri Haji Awang Abas/ Haji Ariffin Mohd. Noor/ Hernie Suliana Haji Othman/ Hamzah Mohdin

**L**AMBAK KIRI, Isnin, 1 Mei. - Dalam usaha menyemai semangat patriotisme para penuntut untuk menghormati serta menjiwai Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara, Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan terus mengadakan siri Program Taklimat Kenegaraan 'Menghayati Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara' ke beberapa buah sekolah di negara ini.

Program yang memuatkan taklimat 'Menghayati Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan' disampaikan oleh Pegawai-pegawai dari Jabatan Penerangan yang antara lain menyentuh mengenai tatacara menaik-kibarkan bendera negara dan sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' dengan terperinci.

Selain mengetahui sejarah bendera dan lagu kebangsaan, setiap rakyat harus menghormati dan menghayati erti di sebalik seni kata lagu 'Allah Peliharakan Sultan' kerana ianya mengandungi permohonan doa kepada Allah untuk raja dan negara, di samping mendidik para pelajar bagaimana ketertiban semasa menaikkan bendera dan menyanyikan lagu kebangsaan sebagai pendidikan awal yang boleh memberikan kesan positif.

Di samping menyaksikan tayangan klip video 'Kibarkan Dengan Megah Bendera Negara', 'Semarak Pengibaran Bendera Negara' dan video animasi 'Tatacara Mengibarkan Bendera Negara' pelajar-pelajar juga berpeluang untuk menyertai Sesi Kuiz Kenegaraan yang dikendalikan oleh Jabatan Penerangan.

Objektif Taklimat Kenegaraan ini ialah untuk mengoptimakan penghayatan dan pemahaman khususnya dalam kalangan para penuntut terhadap Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara ke arah kesedaran hidup berbangsa, beragama dan bernegara berdasarkan falsafah negara Melayu Islam Beraja (MIB).



**SEBAHAGIAN** daripada penuntut tahun 7 Sekolah Menengah Lambak Kiri semasa menghadiri Program Taklimat Kenegaraan 'Menghayati Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara' pada 1 Mei 2017.



**PROGRAM** Taklimat Kenegaraan ‘Menghayati Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara’ yang diadakan pada 8 Mei 2017 di Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Masna.



**PROGRAM** Taklimat Kenegaraan ‘Menghayati Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara ketika diadakan di Sekolah Menengah Berakas pada 11 Mei 2017.



**PARA** pelajar Sekolah Menengah Rimba semasa bergambar ramai sempena Program Taklimat Kenegaraan ‘Menghayati Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara pada 17 Mei 2017.



**SEBAHAGIAN** daripada pelajar Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan ketika mendengarkan taklimat pada siri Program Taklimat Kenegaraan ‘Menghayati Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara’ pada 17 Mei 2017.



**PROGRAM** Taklimat Kenegaraan ‘Menghayati Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara’ semasa diadakan di Sekolah Menengah Perdana Wazir, Kuala Belait pada 24 Mei 2017.



**PROGRAM** Taklimat Kenegaraan ‘Menghayati Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara’ semasa diadakan di Sekolah Menengah Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar, Kuala Belait pada 30 Mei 2017.

## Majlis bertahlil di Kubah Makam Diraja

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit



Gambar (kiri) sebahagian pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan semasa menyertai Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan bertahlil bagi ayahanda dan bonda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam, Al Marhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien Sa’adul Khairi Waddien dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Jabatan Perdana Menteri di Kubah Makam Diraja pada 30 Mei lalu.

## Rebut ganjaran pahala di bulan Ramadhan

Oleh: Unit Penerbitan Melayu

**B**ERAKAS, Isnin, 27 Mei.- Sempena menyambut kedatangan bulan ramadhan yang mulia ini umat Islam di seluruh dunia dan tidak terkecuali di negara ini tidak melepaskan peluang untuk merebut ganjaran pahala yang berlipat ganda yang dijanjikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Dalam kesempatan ini pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan tidak ketinggalan merebut peluang yang datang setahun sekali ini dengan melakukan berbagai ibadah dan tidak terkecuali Majlis Tadarus.

Majlis Tadarus tersebut telah diadakan di surau Bangunan Lama, Jabatan Penerangan dan diadakan setiap pagi waktu berkerja bermula 8.00 pagi hingga 9.00 pagi.

Majlis Tadarus ini bukan hanya diadakan di ibu pejabat tetapi turut diadakan di setiap cawangan daerah.

*ANTARA pegawai Jabatan Penerangan semasa menyertai Majlis Tadarus.*



*PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad semasa menyertai Majlis Tadarus.*



## Peristiwa Jabatan Penerangan



**U**STAZ Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman, Ketua Pegawai Penerangan (no. sembilan baris kedua dari kiri) bergambar kenangan pada 21 Mei 1981 di hadapan Bangunan Jabatan Penerangan di Jalan McArthur selepas serombongan penduduk Mukim Belait mendengar taklimat penerangan dari beliau berkisar mengenai Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama 1979 antara United Kingdom dengan Negeri Brunei.

## Tingkatkan kesedaran ibu bapa kawal anak-anak

Berita dan Foto : Noraisah Muhammed /  
Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin



**PENGHULU Mukim Seria, Awang Haji Jamail bin Haji Linap semasa hadir pada program tersebut manakala gambar sebelah kanan, Pegawai Penerangan selaku Ketua Penerangan Cawangan Daerah Belait, Awang Mohamad Hisyam bin Idris semasa berucap pada program berkenaan yang diadakan di Maktab Anthony Abell.**

**S**ERIA, Sabtu, 6 Mei. - Jabatan Penerangan menerusi Cawangan Penerangan Daerah Belait dan Unit Hubungan Masyarakat, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan mengadakan Program Awasi Anak Kitani di Maktab Anthony Abell di sini.

Program Awasi Anak Kitani ini dihasrat untuk meningkatkan lagi kesedaran ibu bapa tentang pencegahan dan mengawal anak-anak daripada penyalahgunaan dadah dan isu-isu keselamatan dalam negeri.

Turut memberikan kerjasama pada program tersebut dengan memberikan taklimat ialah pegawai dari Biro Kawalan Narkotik, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri, Pejabat Peguam Negara serta Biro

Pendidikan, Majlis Perundingan Kampung STKRJ Lorong 3 Selatan Seria.

Manakala itu program yang sama turut diadakan pada 16 Mei yang lepas di Dewan Serbaguna Kampung Bukit, Mukim Ukong, Daerah Tutong.

Program anjuran Jabatan Penerangan melalui Jawatankuasa program berkenaan bagi Mukim Ukong mendapat kerjasama dari Biro Kawalan Narkotik (BKN), Jabatan Keselamatan Dalam Negeri (JKDN) dan Pejabat Peguam Negara (PPN).

Selain penduduk kampung program turut dihadiri oleh Penghulu Mukim Ukong, Awang Haji Omar bin Abd. Aziz selaku tetamu kehormat majlis.



**SEBAHAGIAN** daripada orang tua dan penjaga semasa hadir pada majlis tersebut.

**PENGHULU** Mukim Ukong, Awang Haji Omar bin Abd. Aziz ketika mendengar taklimat dari pegawai Biro Kawalan Narkotik.

## MS PDB juara bola jaring Sempena memperingati penubuhan Jabatan Penerangan ke-65 tahun



**TIMBALAN Setiausaha Tetap (IT, e-Kerajaan dan Industri) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab semasa bergambar ramai bersama para pemain diakhir kejohanan tersebut.**

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad  
Foto : Hernie Suliana Haji Othman, Azmah Haji Ahad

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 14 Mei. - Majlis Sukan Pasukan Polis Diraja Brunei (MS PDB) muncul juara Kejohanan Bola Jaring anjuran Jabatan Penerangan sempena memperingati penubuhan Jabatan Penerangan ke-65 tahun yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

MS PDB mengesahkan kejuaraannya apabila menumpaskan pasukan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan (KHELNP) selaku pasukan jemputan dengan jaringan 12 - 6.

Sementara tempat ketiga dimenangi oleh Pasukan Jabatan Penerangan selaku pengajur kejohanan dengan menumpaskan Pasukan Jabatan Perkhidmatan Elektrik (JPE) dengan kemenangan tipis 7 - 6.

Manakala penerima hadiah Pemain Terbaik diberikan kepada W/PC 6089 Norakidah binti Haji Mahwan dari MS PDB.

Hadiyah kejohanan disampaikan oleh Timbalan Setiausaha Tetap (IT, e-Kerajaan dan Industri) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab.

Kejohanan sehari tersebut disertai oleh 10 pasukan terdiri daripada Jabatan Perdana Menteri, Biro Kawalan Narkotik, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri, Jabatan Radio Televisyen Brunei, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Percetakan Kerajaan, Pusat e-Kerajaan, Jabatan Penerangan, MS PDB dan KHELNP.



**TIMBALAN Setiausaha Tetap (IT, e-Kerajaan dan Industri) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab semasa menyampaikan hadiah kepada wakil juara kejohanan pasukan MS PDB.**



**PASUKAN InfoNet (tuan rumah) semasa beraksi di kejohanan tersebut.**

## JPKE juara futsal

Berita dan Foto : Haji Ariffin bin Mohamad Noor

**T**UNGKU, Ahad, 21 Mei. - Pasukan Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE) muncul juara Kejohanan Futsal sempena memperingati penubuhan Jabatan Penerangan Ke-65 selepas menumpaskan Pasukan Media Permata pada perlawanan peringkat akhir dengan jaringan 2 - 1 yang diadakan di Dewan Futsal, Universiti Brunei Darussalam, di sini.

Tempat ketiga dikongsi sama oleh Jabatan Perdana Menteri dan Majlis Sukan Polis Diraja Brunei (MS PDB) setelah tumpas di perlawanan peringkat separuh akhir kepada pasukan finalis.

Hadiyah kejohanan disampaikan oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad.

Sejak bermula pada 14 Mei lalu kejohanan disertai oleh 21 buah pasukan.



**PENGARAH** Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad semasa menyampaikan hadiah kepada wakil juara kejohanan Pasukan Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi.

## BKN 'B' muncul juara



**PEMANGKU** Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad bergambar ramai bersama pemenang-pemenang Perlawanan Badminton Sempena Memperingati Penubuhan Jabatan Penerangan yang Ke-65 Tahun, 2017.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 21 Mei. - Pasukan Biro Kawalan Narkotik (BKN) 'B' berjaya mengungguli Perlawanan Badminton Sempena Memperingati Penubuhan Jabatan Penerangan yang Ke-65 Tahun, 2017 setelah menewaskan Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) diperlawanan akhir dengan kiraan 2 - 1.

Tempat ketiga dimenangi oleh Pasukan Jabatan Penerangan 'B' setelah menumpaskan Pasukan

Gabungan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)/Jabatan Peguam Negara (JPN) dengan kiraan 2 - 1.

Hadir menyaksikan perlawanan dan seterusnya menyampaikan hadiah ialah Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad.

Sebanyak 12 pasukan menyertai kejohanan tersebut sejak perlawanan pertama peringkat kumpulan bermula 28 April 2017 lalu.

## Terima Pingat Kerja Lama



Foto: Azmah Haji Ahad

Dari kiri, Asnah binti Haji Dewa, Hamzah bin Mohidin, Nor Hasnah binti Haji Ahaim, Norhayani binti Haji Abd. Latif.

## Senarai Pegawai dan Kakitangan yang Mengikuti Kursus/ Taklimat/ Bengkel Bulan Mei 2017

Nama	Jawatan	Kursus/ Taklimat/ Bengkel	Tarikh
Noriah binti Hj Abd Hamid	Pegawai Penerangan	Forum Perdana PPPMB Melayu di Era Kemerdekaan	13/5/2017
Norliah binti Md Zain	Penolong Penyunting Tkt.II	Forum Perdana PPPMB Melayu di Era Kemerdekaan	13/5/2017
Hezlinawati Hj Abd. Karim	Penolong Penyunting Tkt.II	Forum Perdana PPPMB Melayu di Era Kemerdekaan	13/5/2017
Zainuddin bin Hj Md. Hussein	Kerani	Halaqah Pendidikan Syariah (Fiqh Puasa)	15/5/2017
Rahmat Shukurillah bin Harith	Pembantu Pegawai Luar penerangan	Halaqah Pendidikan Syariah (Fiqh Puasa)	15/5/2017
Muhd Khairulhadi bin Hj. Md. Muhtaddir	Pegawai Penerangan	Kursus Membuat Keputusan Menggunakan Hamparan Elektronik (MS Excel)	15-18/2017
Ali Termizzi bin Hj Ramlly	Pegawai Penerangan	Kursus Membuat Keputusan Menggunakan Hamparan Elektronik (MS Excel)	15-18/2017
Hj Ariffin bin Mohd Noor	Penolong Pegawai Foto Tkt.1	Kursus Minda Harmoni	17-18/2017

## Penempatan Kerja Mahasiswa dan Mahasiswi UNISSA ke Jabatan Penerangan

Nama	Jurusan	Tarikh Penempatan
Mohd Amirul Hilmi bin Jali	Sarjana Muda Sains dan Kewangan Islam	22 Mei - 21 Oktober 2017
Sity Diyanatul Widad binti Haji Ismat	Sarjana Muda Usuluddin (Akidah & Dakwah)	22 Mei - 22 Julai 2017

*Sila layari laman sesawang Jabatan Penerangan di:*

<http://www.penerangan.gov.bn>  
<http://www.information.gov.bn>  
<http://www.pelitabrunei.gov.bn>

*Media Sosial Penerangan:*



Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri



**Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri,  
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB3510, Negara Brunei Darussalam.  
Tel : 2383400 Faks : 2382242**